

05 JUN 2001

Sukan-Sepak takraw

FORMAT GRAND PRIX KEBANGSAAN TIDAK AKAN DIUBAH, KATA PSM

KUALA LUMPUR, 5 Jun (Bernama) -- Persatuan Sepak Takraw Malaysia (PSM) tidak akan mengubah format Grand Prix Kebangsaan kerana ia telah berjaya mencapai matlamat untuk mencungkil bakat-bakat baru.

Anggota Jawatankuasa Pertandingannya Mahathir Mohamad berkata kejohanan kebangsaan yang terbahagi kepada skuad A dan B negeri-negeri dan polis serta tentera itu telah berjaya melahirkan pemain-pemain baru.

"Buat masa ini kita akan mengekalkan format GP Kebangsaan itu. Walaupun begitu kita akan mendapatkan pandangan daripada persatuan-persatuan negeri mengenainya," katanya pada pemberita selepas majlis undian dan pembahagian kumpulan bagi Perilly's GP Kebangsaan Terbuka Kelantan hari ini.

GP Kebangsaan Terbuka Kelantan itu akan diadakan dari 13 hingga 17 Jun di Dewan Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB).

Mahathir berkata PSM sedar format itu menimbulkan kos tambahan kepada negeri-negeri dan pasukan yang bertanding kerana mereka kini terpaksa menyediakan dua pasukan bagi GP Kebangsaan.

"Tetapi objektif kita untuk melahirkan lebih ramai pemain muda yang berbakat itu telah tercapai," katanya.

Kejohanan Sepak Takraw GP Kebangsaan bagi skuad A negeri-negeri dan pasukan yang bertanding adalah Terbuka Selangor, Pahang dan Perak manakala bagi skuad B pula adalah Terbuka Pulau Pinang, Kelantan dan Sabah.

Pada GP Kebangsaan Terbuka Pulau Pinang yang berlangsung baru-baru ini, skuad B Kuala Lumpur berjaya mengalahkan Johor dalam perlawanan akhir.

Pada pengundian hari ini, juara Terbuka Pulau Pinang itu dijangka menghadapi laluan getir apabila diundi bersama-sama juara Terbuka Kelantan pada tahun lepas Selangor, Negeri Sembilan dan Kedah di dalam Kumpulan C.

Johor pula dijangka mendapat laluan yang mudah pada peringkat kumpulan apabila ditempatkan dalam Kumpulan A yang hanya dianggotai oleh pasukan dari Perak dan Melaka.

Kumpulan B pula akan dianggotai oleh Pahang, Terengganu, Perlis dan Sabah manakala Kumpulan D oleh pasukan tuan rumah, Kelantan, Pulau Pinang, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

-- BERNAMA

MHI AZ AZZ NMO